

12 OCT 1996

Umno-Mahathir (Pertandingan)

MASIH AWAL BUAT KEPUTUSAN UNTUK BERTANDING, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 12 Okt (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata masih terlalu awal baginya dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuat keputusan sama ada mereka akan bertanding jawatan presiden dan timbalan presiden pada pemilihan parti akan datang pada tahun 1999.

"Saya tidak tahu sama ada kita mungkin atau tidak," katanya ketika menjawab soalan sama ada beliau dan timbalannya mungkin atau akan bertanding pada pemilihan parti akan datang.

"Kenapa perlu kita melihat terlalu jauh ke hadapan? Ia (pertandingan) masih jauh. Pada masa ini kita mahu menumpukan perhatian terhadap tugas yang sepatutnya kita lakukan," katanya pada persidangan berita pada akhir Perhimpunan Agung Umno di sini.

Semalam, Dr Mahathir berkata beliau dan Anwar bersedia bertanding dalam pemilihan Umno akan datang sekiranya pertandingan itu dapat dijalankan secara bersih.

Bagaimanapun, beliau berkata ada orang yang akan mengotorkan pertandingan itu.

Anwar, yang hadir pada persidangan berita itu, berkata beliau akan memberikan kesetiaan sepenuhnya kepada Dr Mahathir, yang beliau hormati sebagai pemimpinnya.

Beliau berkata beliau terpaksa menjelaskan kepada kelab-kelab Umno yang ditubuhkan oleh pelajar Malaysia di luar negara bahawa tidak wujud "kem Mahathir atau kem Anwar" seperti yang dilaporkan oleh media asing.

Beliau menjawab soalan mengenai pertemuannya dengan wakil 23 kelab Umno yang bertanyakan mengenai laporan "kem Mahathir dan kem Anwar" ketika mereka menemuinya di sini hari ini.

Anwar berkata beliau menerangkan kepada mereka bahawa anggota dan pemimpin Umno bekerja sebagai satu pasukan dengan Dr Mahathir sebagai ketua mereka.

"Walaupun tokoh-tokoh (yang menang dalam pemilihan parti) dikait rapat dengan saya, saya setia kepada Dr Mahathir. Oleh itu, laporan media itu tidak berkaitan," katanya.

Dr Mahathir mencelah: "Sebenarnya, Malaysia adalah tempat yang membosankan bagi wartawan asing. Di negara lain perdana menteri atau presiden mereka kerap bertukar, tetapi di sini kita adalah masyarakat yang membosankan. Sebab itu tidak ramai wartawan asing di sini." -- BERNAMA

ARA AKD